



NOTIS SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat Tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kod bidang yang berkaitan** dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:

No. Sebutharga : PDTK/SULIT/003 – BIL. 6/2024

Tajuk Sebutharga : **SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENGUSAHA KANTIN
DI KOMPLEKS PEJABAT DAERAH DAN TANAH KULIM**

**BAGI TEMPOH KONTRAK MULAI 01 DISEMBER 2024 HINGGA 30 NOVEMBER 2026
(KONTRAK 2 TAHUN)**

Syarat Pendaftaran : **KOD BIDANG 040101,040102 DAN 040103**

Tarikh Iklan : **25 OGOS 2024 (AHAD)**

Tarikh Jual borang : **25 OGOS 2024 (AHAD)**

Tarikh Tutup : **01 SEPTEMBER 2024 (AHAD)**

Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun (*soft copy*) melalui sistem iDAFTAR (<https://idaftar.kedah.gov.my>).

Dokumen Sokongan Tawaran Sebutharga (*hardcopy*) yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertulis di sebelah kiri sampul Tajuk Sebutharga, No. Sebutharga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat seperti berikut:

**PEGAWAI DAERAH
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KULIM
09000, KULIM
KEDAH DARUL AMAN**

Tarikh tutup tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tarikh **01 SEPTEMBER 2024 (AHAD)** Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN. Pejabat Daerah dan Tanah Kulim** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH KULIM,
09000 KULIM, KEDAH DARUL AMAN**

**TEL : 04-702 9080
FAX : 04-702 9060**

KENYATAAN IKLAN SEBUT HARGA

1. Sebutharga ini adalah dipelawa kepada syarikat/pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, berstatus Bumiputera atau bukan Bumiputera dalam kod bidang 040101,040102 dan 040103 dan pendaftaran masih sah laku tempoh dan kontraktor berdaftar dengan Kerajaan Negeri Kedah (iDAFTAR) adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga seperti berikut :

BUTIRAN SEBUTHARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	SYARAT KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN SEBUTHARGA	TARIKH SEBUTHARGA DITUTUP
<p>1. PELAWAAN SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MENGUSAHA KANTIN DI KOMPLEKS PEJABAT DAERAH DAN TANAH KULIM UNTUK TEMPOH 2 (DUA) TAHUN</p> <p>NO.SEBUTHARGA: PDTK/SULIT/003 – BIL.6/2024</p>	<p>TIDAK WAJIB</p>	<p>1. Warganegara Malaysia</p> <p>2. Mempunyai Sijil Syarikat yang berdaftar (SSM)</p> <p>3. Mempunyai Akaun Semasa atas nama syarikat yang berdaftar</p> <p>4. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 040101, 040102 DAN 040103</p> <p>5. Sertakan salinan surat daripada pihak tertentu di mana Syarikat telah memperolehi pengalaman dalam bidang berkenaan (jika ada)</p>	<p>RM 10.00 (Bayaran tidak dikembalikan)</p> <p>Tarikh dokumen dikeluarkan 25/08/2024 (Ahad) hingga 01/09/2024 (Ahad)</p>	<p>Tarikh Tutup: 01/09/2024 (Ahad) Sebelum Jam 12.00 tengahari</p>

2. Syarikat/Pembekal yang berminat dan berkelayakan seperti tertera sahaja hendaklah membuat **PERAKUAN** menyertai sebutharga di sistem iDAFTAR (<https://idaftar.kedah.gov.my>) dan menjelaskan bayaran secara atas talian mengikut no sebutharga iaitu **PDTK/SULIT/003 – BIL.6/2024** dengan jumlah **RM10.00** sebelum dokumen *softcopy* sebutharga dikemukakan kepada syarikat/pembekal. Urusan penjualan sebutharga dibuka sepanjang masa setiap hari kecuali pada jam 12.00 tengah malam sehingga 12.30 pagi bagi penyelenggaraan transaksi elektronik pihak bank.
3. Syarikat/Pembekal dikehendaki menyemak No. Siri Kawalan Dokumen yang diberi melalui sistem iDAFTAR dan melengkapkan No. Siri Kawalan Dokumen pada setiap halaman muka depan Dokumen Sebutharga pada ruang kotak disediakan. Kegagalan ini, boleh mengakibatkan dokumen ditolak.
4. Pejabat Daerah dan Tanah Kulim tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.
5. Syarikat/Pembekal dinasihatkan untuk memastikan sijil-sijil berkaitan mestilah masih sah tempoh lakunya. **KEGAGALAN** berbuat demikian **BERKEMUNGKINAN BOLEH MENJEJASKAN** peluang bidaan yang dimasuki oleh syarikat/pembekal.
6. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi, dicetak dan disahkan, **hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri** dan dicatatkan No. sebutharga **PDTK/SULIT/003 – BIL. 6/2024** pada sebelah kiri sampul dengan jelas dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Pejabat Daerah dan Tanah Kulim tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Ahad bertarikh 01 SEPTEMBER 2024 (AHAD)** .
7. Syarikat/Pembekal boleh menggunakan perkhidmatan kurier untuk penghantaran dokumen sebutharga. Syarikat/Pembekal dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantar dan dimasukkan ke peti sebut harga yang disediakan Jabatan oleh ajen perkhidmatan kurier dalam masa ditetapkan. **Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat.**



.....
(HAJI MOHD ZAINI BIN HAJI RAMLI, SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Daerah Kulim,
Pejabat Daerah dan Tanah Kulim,
Kedah Darul Aman

Tarikh : 22/08/2024.

Tarikh Pamer Iklan: 25 Ogos 2024